



ANUAR memberi makanan kepada ternakannya.

Rezeki bela ayam piru

■ Usahawan OKU perah peringat empat tahun kini ternak 150 ekor

Oleh Zulfa Mohamad
am@hmetro.com.my
Butterworth

Bergelar orang kurang upaya (OKU) selepas terbabat dalam kemalangan jalan raya hampir 20 tahun lalu tidak mematah-

kan semangat seorang pemuda untuk bangkit dan bergelar penternak ayam piru berjaya.

Anuar Aziz, 47, tidak pernah menyangka akan menjadi penternak ayam piru kerana pelbagai usaha dilakukan sebelum ini untuk

mencari rezeki termasuk menyediakan perkhidmatan katering hanya setakat se-paruh jalan.

Walaupun baru bernak-jinak menternak ayam piru di Ujong Batu, dekat sini, sejak empat tahun lalu, ternakan itu kini menjadi

sumber pendapatan utamanya berikutan sambutan baik dalam kalangan penduduk setempat.

Pada mulanya dia hanya memelihara lima ayam berkenaan yang diberikan rakan dan dijadikan baksa sehingga kini jumlah ternakan itu meningkat kepada 150



ekor.

"Mulanya saya hanya memelihara ayam piru sekadar suka-suka selepas diberi rakan. Lama-kelamaan timbul minat untuk lebih serius kerana sambutan terhadap daging ayam piru agak baik dan dagingnya dijual RM20 hingga RM25 sekilogram atau lebih RM160 seekor.

"Sejak dua tahun lalu, ayam piru menjadi sumber pendapatan utama saya kerana tidak mampu melakukan kerja berat dengan keadaan fizikal yang membongkok," katanya.

Lebih menarik, Anuar atau lebih dikenali sebagai Bob bermula dengan 'kosong' kerana tidak mempunyai pengalaman menternak ayam piru, tetapi kini mempunyai beberapa 'resipi' sendiri bagi membolehkan ternakan berkenaan cepat membesar dan dijual.

"Menternak ayam piru agak mudah berbanding ternakan lain kerana ia tidak cerewet dan hanya diberi makan biji jagung dicampur serbuk soya dan serbuk ikan dua kali sehari.



ANUAR menunjukkan telur ayam piru.

"Ia juga diberi makan sayur-sayuran kerana 70 peratus makanannya adalah sayur selain dedak bagi membantu tumbesarnya," katanya.

Anuar berkata, ayam piru boleh dijual ketika berusia lima bulan kerana dagingnya lebih lembut selain rendah kolesterol.

"Cuma masalahnya, ayam piru tidak mengeram telur seperti ayam kampung menyebabkan telur terpaksa dieram menggunakan inkubator sebelum dipindahkan ke bekas khas sebaik menetas.

"Ramai yang membeli ayam piru bagi menggantikan daging lembu yang lebih mahal terutama pada musim perayaan," katanya yang merancang menambah jumlah ternakan sehingga 1,000 ekor hujung tahun ini.